

STOP CORRUPTION








HAK CIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga, sama ada secara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Bahagian Integriti, Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak terlebih dahulu.

DITERBITKAN OLEH:

**BAHAGIAN INTEGRITI
KEMENTERIAN INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN SARAWAK
TINGKAT 4, BAITUL MAKMUR I, MEDAN RAYA, PETRA JAYA,
93050, KUCHING, SARAWAK.**

 : 082-311815 | 082-442299  : 082-311692 | 082-449643  : <https://mipd.sarawak.gov.my>

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

*ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN
(OACP)*

2021 – 2025



**KEMENTERIAN INFRASTRUKTUR
DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN SARAWAK**

*MINISTRY OF INFRASTRUCTURE
AND PORT DEVELOPMENT (MIPD)
SARAWAK*

AMANAT



Salam Sejahtera dan Salam Sarawakku Sayang.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (MIPD) Sarawak kerana telah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MIPD 2021-2025. Sekalung tahniah juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dalam proses penyediaan dan pembangunan pelan ini dengan jayanya.

Inisiatif-inisiatif yang telah digariskan dalam pelan ini mencerminkan hasrat dan usaha bersepadu Kementerian secara kolektif untuk memastikan Sarawak dikenali dengan amalan integriti dan bukannya rasuah. OACP MIPD 2021-2025 ini menyatukan semua strategi berkaitan integriti, tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan yang merupakan salah satu pendekatan strategik serta komprehensif bagi menutup segala ruang atau peluang kebarangkalian untuk berlakunya risiko rasuah.

Saya juga mengharapkan agar semua kakitangan Kementerian akan memberikan sepenuh komitmen dalam memastikan setiap inisiatif yang telah dirancang menerusi OACP MIPD 2021-2025 dilaksanakan dengan penuh berdedikasi kerana sebagai seorang penjawat awam, nilai etika, jati diri dan integriti yang tinggi merupakan fokus utama yang perlu kita sama-sama hayati dan amalkan.

Saya percaya usaha ke arah pemantauan terhadap pelaksanaan semua inisiatif digariskan akan dibuat dengan rapi selain tindakan penambahbaikan yang berterusan juga diharap sentiasa dilakukan bagi memastikan mutu penyampaian perkhidmatan awam berada pada tahap yang optimum dan efisien kepada masyarakat secara amnya.

Saya menyeru kepada semua pihak khususnya seluruh warga MIPD untuk berganding bahu dalam menyokong pelaksanaan OACP MIPD 2021-2025 bagi memastikan kita sentiasa bebas daripada sebarang amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan ke arah penyampaian mutu perkhidmatan yang unggul dan berintegriti.

Sekian.

YB TAN SRI DATUK AMAR DR. JAMES JEMUT MASING

Timbalan Ketua Menteri Sarawak

Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak



AMANAT

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Sarawakku Sayang.*

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak telah berjaya menghasil dan menerbitkan Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) MIPD 2021-2025*.

OACP MIPD 2021-2025 ini merupakan dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan bagi menangani permasalahan dan kelemahan dari aspek tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam kalangan warga Kementerian. Selaras dengan aspirasi nasional dan Kerajaan Sarawak berhubung usaha ini, saya berharap setiap warga Kementerian termasuk agensi-agensi seliaan perlu menghayati, mempraktikkan serta memelihara imej perkhidmatan sebagai entiti awam yang sentiasa menerapkan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang berintegriti.

OACP MIPD 2021-2025 ini menekankan mekanisme bagi mewujudkan kawalan dalaman yang membolehkan sumber-sumber organisasi diarah, dipantau dan diukur untuk mengurangkan kerenah birokrasi serta mencegah perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Besar harapan saya agar OACP MIPD 2021-2025 ini dapat dijadikan sebagai rujukan komprehensif dan inklusif kepada semua warga kerja Kementerian bermula daripada peringkat pengurusan tertinggi sehingga ke peringkat sokongan supaya setiap individu dapat melaksanakan setiap perincian pelan tindakan ini bagi menzahirkan sebuah organisasi yang bebas rasuah dan berintegriti.

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

YB DATUK HAJI JULAIHI BIN HAJI NARAWI
Menteri Muda Infrastruktur dan Pembangunan
Pelabuhan Sarawak

PERUTUSAN



Salam Sejahtera dan Salam Sarawakku Sayang.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurniaNya jua, Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) 2021-2025 yang komprehensif khusus untuk Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (MIPD) Sarawak berjaya dihasilkan.

Secara umumnya, kerangka OACP ini telah menggariskan sejumlah empat (4) strategi utama yang diperkukuhkan dengan sembilan (9) strategi objektif dan disokong oleh empat puluh (40) inisiatif melibatkan tempoh jangka pendek serta jangka panjang.

Selari dengan hasrat Kerajaan Sarawak yang ingin menerapkan nilai-nilai integriti dalam semua sektor, MIPD komited untuk menyokong dan mendukung aspirasi tersebut bagi memastikan negeri ini menjadi sebuah negeri yang bebas rasuah.

Justeru, OACP MIPD 2021-2025 dibangunkan secara kolektif sebagai platform yang kukuh ke arah usaha membudayakan nilai integriti di kalangan warga Kementerian dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas komitmen tinggi semua pihak dalam menyediakan OACP MIPD 2021-2025 ini. Semoga apa jua yang kita usahakan pada hari ini akan membuahkan hasil yang baik pada masa hadapan.

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

YBHG. DATU HAJI SAFRI BIN HAJI ZAINUDIN

Setiausaha Tetap
Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan
Pelabuhan Sarawak



AKRONIM

MIPD	MINISTRY OF INFRASTRUCTURE AND PORT DEVELOPMENT
JKM	JABATAN KETUA MENTERI
MMKN	MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
SOP	STANDARD OPERATING PROCEDURE
OACP	ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN
PIN	PELAN INTEGRITI NASIONAL
GTP	GOVERNMENT TRANSFORMATION PLAN
NACP	NATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN
SPRM	SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
CRA	CORRUPTION RISK ASSESSMENT
MMAS	MOVEABLE MANAGEMENT ASSET SYSTEM
UNPD	UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME
UNION	UNIT INTEGRITI DAN OMBUDSMAN NEGERI
CeIO	CERTIFIED INTEGRITY OFFICER

ISI KANDUNGAN

BAB 1.0

1.1	PENGENALAN	9
1.1.1	Latar Belakang Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak	9
1.1.2	Maklumat Korporat	9
1.2	PENGERTIAN RASUAH	10
1.3	DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL	10
1.4	PUNCA UTAMA RASUAH DAN SALAH LAKU	12

BAB 2.0

2.1	MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH KEMENTERIAN INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN SARAWAK	14
2.2	BIDANG-BIDANG BERISIKO	16
2.2.1	Bidang Keutamaan: Perolehan	17
2.2.2	Bidang Keutamaan: Pentadbiran dan Kewangan	19
2.2.3	Bidang Keutamaan: Sumber Manusia	22
2.2.4	Bidang Keutamaan: Pengurusan Projek	26

BAB 3.0

3.1	TADBIR URUS	28
3.1.1	Definisi	
3.2	PENGENALAN TADBIR URUS	28
3.3	PRINSIP-PRINSIP UTAMA DALAM TADBIR URUS	29

BAB 4.0

4.1	KESIMPULAN	31
-----	-------------------	----

BAB 1.0

1.1 PENGENALAN

1.1.1 LATAR BELAKANG KEMENTERIAN INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN SARAWAK

Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Kerja Raya telah wujud semenjak tahun 1963. Pada tahun 1984, nama Kementerian ditukar kepada Kementerian Kerja Raya dan Tugas-Tugas Khas. Pada tahun 1985, nama Kementerian diubah sekali lagi menjadi Kementerian Pembangunan Infrastruktur.

Pada tahun 1996, Kementerian dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan. Hasil gabungan ini menjadikan Kementerian sebuah organisasi yang bukan sahaja mempunyai skop aktiviti yang luas tetapi juga bidang kuasa yang strategik dan sangat penting bagi Kerajaan Negeri.

Pada Mei 2016, Kementerian dijenamakan semula sebagai Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan. Pada 22 Ogos 2019, nama Kementerian ini ditukar dan dikenali sebagai **Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan** hinggalah sekarang.



1.1.2 MAKLUMAT KORPORAT

VISI

“Menjadi Kementerian Berprestasi Tinggi dalam Menerajui Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan di Negeri Sarawak”

“A High Performance Ministry in Transforming Infrastructure and Port Development in Sarawak”

MISI

“Menyediakan Rangkaian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan yang Efisien bagi Negeri Sarawak melalui Kaedah Penyampaian Projek dan Program yang Unggul”

“Deliver Efficient Infrastructure and Port Development for Sarawak through Project and Program Delivery Excellence”

OBJEKTIF STRATEGIK

- i. Bertanggungjawab kepada kemudahan Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan di Negeri Sarawak.
- ii. Menyediakan rancangan Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan yang berkisar kepada keperluan sosial, ekonomi dan politik di Negeri Sarawak.
- iii. Memastikan projek-projek Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan dilaksanakan dengan teratur dan berkesan oleh agensi-agensinya pelaksana seperti Jabatan Kerja Raya Sarawak, Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke, Lembaga Pelabuhan Kuching, Lembaga Pelabuhan Rajang, Lembaga Pelabuhan Miri, Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis, Lembaga Pelabuhan Samalaju dan Lembaga Boya dan Api.
- iv. Memantau atau menyelaras pelaksanaan projek-projek oleh agensi-agensinya Persekutuan di bawah *Watching Brief* Kementerian.

1.2 PENGERTIAN RASUAH

Rasuah daripada Bahasa Arab (رشوة) merupakan suatu jenayah atau kesalahan undang-undang di mana seseorang mendapat kebebasan kontrak atau keistimewaan dari pihak berkuasa atau sesebuah syarikat selepas memberi wang hadiah keraian kepada pihak-pihak tersebut.

Pentakrifannya menurut *Transparency International* pula ialah perilaku di jabatan-jabatan atau pejabat-pejabat awam termasuklah para politikus dan pegawai-pegawai yang secara tidak wajar dan tidak sah menurut undang-undang mengayakan diri atau memperkaya kerabatnya, keluarga dan sahabat handai dengan menyalahgunakan kuasa dan kepercayaan awam yang diberi kepada mereka. Menurut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, terdapat empat (4) kesalahan rasuah yang utama:

- meminta atau menerima rasuah;
- menawar atau memberi rasuah;
- membuat tuntutan palsu; dan
- menyalahguna jawatan atau kedudukan.

Pemberian rasuah jika tidak dibendung akan mengakibatkan banyak masalah sosial kerana undang-undang tidak akan dipatuhi dengan sepenuhnya. Maka kegiatan jenayah dan ketidakadilan akan berleluasa. Rasuah di kalangan penguatkuasa adalah perkara biasa di kebanyakan negara pengeluar petroleum dan negara miskin terutamanya di Amerika Latin.

Rasuah yang wujud dalam bidang politik dan pentadbiran birokrasi mungkin berbentuk sama ada ringan atau berat terancang atau tidak. Rasuah tidak sekadar memudahkan atau menggalakkan jenayah seperti pelacuran, pemalsuan wang cetak rompak dan penyeludupan. Kesannya lebih meluas lagi. Untuk memahami masalah ini dan mencari rumusnya sangat penting untuk membezakan antara rasuah dengan perilaku jenayah dalam erti kata yang lebih luas.

1.3 DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanteras rasuah telah menjadi keutamaan negara. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) 2013 dan yang terkini Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

RASUAH DI MALAYSIA

Rabu, 31.10.2018
22 Safar 1440H



MALAYSIA CABAR KEPUTUSAN MAHKAMAH UK KFC

PROJEK KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER

95 peratus projek tanpa tender

Penjawat awam ambil rasuah makin serius


Menurut menteri, Dr Xavier Lajakumar

Rasuah penjawat awam serius

Menyebutkan bahawa 95 peratus daripada projek di bawah tender terhad yang diluluskan oleh SPRM sebelum ini, SPRM telah mengambil tindakan terhadap 1,000 projek yang bernilai RM1.5 bilion. SPRM telah mengambil tindakan terhadap 1,000 projek yang bernilai RM1.5 bilion. SPRM telah mengambil tindakan terhadap 1,000 projek yang bernilai RM1.5 bilion.

Menyebutkan bahawa 95 peratus daripada projek di bawah tender terhad yang diluluskan oleh SPRM sebelum ini, SPRM telah mengambil tindakan terhadap 1,000 projek yang bernilai RM1.5 bilion. SPRM telah mengambil tindakan terhadap 1,000 projek yang bernilai RM1.5 bilion.

Statistik Tangkapan Kes Rasuah oleh SPRM di Malaysia (2015 - 2019)



Sumber : www.sprm.gov.my

1.4 PUNCA UTAMA RASUAH DAN SALAH LAKU

Pegawai Kurang Berintegriti

- dalam menggalas tanggungjawab yang telah diamanahkan semasa menjalankan tugas.

Kadar Keberhutangan Yang Serius

- menyebabkan kakitangan terdedah kepada gejala rasuah sebagai jalan pintas untuk melepaskan diri dari bebanan tersebut.

Kelemahan Prosedur Kerja (SOP)

- membuka ruang dan peluang kepada warga Kementerian terlibat dengan jenayah rasuah.

Mengamalkan Gaya Hidup Mewah

- turut menjadi punca berlakunya jenayah rasuah.


Kurang Pemantauan/ Penyeliaan

- juga menyumbang berlakunya jenayah rasuah.

Sektor Yang Cenderung Kepada

RASUAH

(2013-2018) di Malaysia



Sumber : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

BENGGEL OACP KEMENTERIAN INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN SARAWAK YANG TELAH DIADAKAN PADA 9-11 SEPTEMBER 2020 DI HOTEL WATERFRONT, KUCHING



Majlis Penyampaian Sijil Penyertaan oleh Setiausaha Tetap kepada para peserta bengkel yang terdiri daripada agensi-agensi di bawah seliaan Kementerian



Perbincangan kumpulan mengikut pecahan Bahagian-Bahagian di Kementerian

BAB 2.0

2.1 MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH KEMENTERIAN INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN SARAWAK

Garis Panduan Asas

Untuk memastikan pelaksanaan pelan strategik ini berjalan lancar dan berkesan, pendekatan 5A yang menyeluruh digunakan untuk membina kerangka pelan yang terdiri daripada langkah-langkah Jangkaan (*Anticipation*), Advokasi (*Advocacy*), Persepakatan (*Alliance*), Tindakan (*Action*) dan Akreditasi (*Accreditation*).

(a) Jangkaan (*Anticipation*)

Diagnosis awal masalah ancaman dan cabaran rasuah melalui Penilaian Risiko Rasuah (CRA) yang melibatkan proses pengumpulan dan analisis maklumat daripada pelbagai sumber. Langkah ini adalah penting untuk membantu organisasi mengenalpasti langkah-langkah pembedahan yang tepat untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko rasuah dalam organisasi masing-masing.

(b) Advokasi (*Advocacy*)

Cadangan dasar dan peraturan untuk mengatasi risiko rasuah dalam organisasi. Pembuat keputusan hendaklah bertanggungjawab terhadap setiap syor dan seterusnya mengambil tindakan sama ada melalui pengukuhan peraturan dan sistem, struktur, tenaga kerja, belanjawan atau latihan.

(c) Persepakatan (*Alliance*)

Kerjasama dan koordinasi antara pihak dalaman dan luaran, termasuk mereka yang terlibat dalam pelaksanaan dasar. Ia akan membantu organisasi untuk memaksimumkan penggunaan sumber melalui perkongsian sumber dalam bentuk tenaga kerja, belanjawan dan logistik supaya lebih berkesan.

(d) Tindakan (*Action*)

Pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang dan dasar, sama ada melalui penguatkuasaan, pendekatan pencegahan dan pendidikan. Organisasi hendaklah bertindak tegas dan adil dalam setiap tindakan untuk menghalang, mencegah dan memerangi rasuah di semua peringkat berlandaskan prinsip perundangan dan undang-undang sedia ada.

(e) Akreditasi (*Accreditation*)

Memfokuskan kepada proses pemantauan dan penilaian (M&E) untuk memastikan semua dasar dan peraturan telah dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya oleh individu/organisasi. Tujuan akreditasi bukan sekadar untuk memberi ganjaran, tetapi juga untuk memperbaiki dasar atau aktiviti semasa serta menggalakkan orang lain berbuat perkara yang sama.

MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH KEMENTERIAN INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN SARAWAK

KERANGKA OACP MIPD 2021-2025



Pelan Tindakan OACP MIPD 2021-2025



Secara umumnya, kerangka ini menggariskan **dua (2)** misi bagi meningkatkan budaya integriti dan membanteras gejala rasuah di Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak. Agenda ini akan dicapai melalui amalan budaya kerja berteraskan amanah, telus dan berakauntabiliti dalam usaha berterusan bagi menutup ruang serta peluang salah laku rasuah.

2.2 BIDANG-BIDANG BERISIKO

Terdapat **empat (4)** bidang keutamaan yang dikenalpasti terdedah kepada risiko tadbir urus, integriti dan rasuah di Kementerian, iaitu:

2.2.1

PEROLEHAN

2.2.2

**PENTADBIRAN DAN
KEWANGAN**

2.2.3

SUMBER MANUSIA

2.2.4

**PENGURUSAN
PROJEK**

2.2.1 BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN



2.2.1 BIDANG KEUTAMAAN		PEROLEHAN		
STRATEGI: 1		MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN		
OBJEKTIF STRATEGI: 1.1		MENGUKUHKAN KERANGKA PEROLEHAN		
BIL.	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
1.1.1	Memanipulasi dokumen	Melaksanakan pengaliran tugas pegawai perolehan	Bahagian Kewangan	2021 hingga 2022 (2 Tahun)
1.1.2	Barangan yang dibekalkan tidak menepati spesifikasi	i. Mengkaji sistem kawalan dalaman perolehan sedia ada	(a) Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2022 (2 tahun)
		ii. Memperkukuhkan SOP bagi penerimaan barangan	(b) Bahagian Kewangan	2021 hingga 2022 (2 tahun)
1.1.3	Perolehan barangan tanpa kelulusan terlebih dahulu	Menambahbaik borang permohonan dengan memasukkan elemen seperti dalam "Lampiran C" <i>Integrity Pact</i>	Bahagian Kewangan	2021 hingga 2022 (2 tahun)

2.2.1 BIDANG KEUTAMAAN		PEROLEHAN		
STRATEGI: 1		MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN		
OBJEKTIF STRATEGI: 1.2		MENINGKATKAN KETELUSAN PEROLEHAN DAN MEMASTIKAN DAYA TAHAN TERHADAP ANCAMAN RASUAH		
BIL.	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
1.2.1	Pembocoran anggaran kos sebutharga	Mengadaptasi <i>Integrity Pact</i> pada setiap mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga	Bahagian Kewangan	2021 hingga 2022 (2 Tahun)
1.2.2	Pakatan dengan pembekal dalam perolehan	Memberi peringatan kepada pegawai	Bahagian Kewangan	2021 hingga 2022 (2 tahun)

2.2.2 BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



2.2.2 BIDANG KEUTAMAAN		PENTADBIRAN DAN KEWANGAN		
STRATEGI: 2		MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM		
OBJEKTIF STRATEGI: 2.1		MEREKAYASA PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH TADBIR URUS BAIK		
BIL.	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
2.1.1	Stok tidak sama dengan rekod inventori	Melakukan pengemaskinian aset melalui <i>Moveable Management Asset System (MMAS)</i> dan pemeriksaan fizikal secara berkala dan audit fizikal	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2025 (5 tahun)
2.1.2	Penyalahgunaan aset pejabat	<p>i. Melakukan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun</p> <p>ii. Pemantauan aset pejabat dengan lebih kerap</p> <p>iii. Memperkukuhkan penguatkuasaan terhadap prosedur/peraturan berkaitan aset pejabat yang sedia ada terutama penggunaan <i>MMAS</i> yang lebih menyeluruh</p>	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	<p>2021 hingga 2025 (5 tahun)</p> <p>2021 hingga 2025 (5 tahun)</p> <p>2021 hingga 2025 (5 tahun)</p>
2.1.3	Menerima hadiah semasa musim perayaan dan aktiviti anjuran Kementerian	Menambahbaik dasar dan mekanisme berkaitan prosedur/peraturan berkaitan hadiah/sumbangan yang sedia ada	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2022 (2 tahun)
2.1.4	Tempahan jamuan melebihi keperluan	Mengawal selia setiap tempahan termasuklah surat dan senarai jemputan mesyuarat/majlis/program	Bahagian Kewangan	2021 hingga 2025 (5 tahun)
2.1.5	Tiada sistem kehadiran yang sistematik	Menambahbaik mekanisme sistem kehadiran dengan memperkenalkan sistem yang lebih bersistematik (<i>thumb-print/ID</i> dan sebagainya)	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2024 (4 tahun)

2.2.2 BIDANG KEUTAMAAN		PENTADBIRAN DAN KEWANGAN		
STRATEGI: 2		MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM		
OBJEKTIF STRATEGI: 2.1		MEREKAYASA PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH TADBIR URUS BAIK		
BIL.	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
2.1.6	Pemilihan pembekal latihan yang tidak bersistematik	Memastikan pengasingan kuasa yang jelas dengan menubuhkan Jawatankuasa pemilihan pembekal latihan	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2022 (2 Tahun)
2.1.7	Pemalsuan buku log harian pemandu	<ul style="list-style-type: none"> i. Menyertakan maklumat perjalanan ii. Menambahbaik pengurusan kenderaan dengan memperkenalkan penggunaan sistem <i>Vehicle Tracking</i> iii. Memperkukuhkan penguatkuasaan prosedur berkaitan penggunaan kenderaan pejabat yang sedia ada. 	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2022 (2 tahun) 2021 hingga 2024 (4 tahun) 2021 hingga 2022 (2 tahun)
2.1.8	Menyebarkan maklumat yang tidak sahih/lucah di dalam media sosial rasmi organisasi	Memperkenalkan garis panduan yang lebih telus dalam penggunaan platform media sosial rasmi organisasi	Bahagian Komunikasi Korporat dan ICT	2021 hingga 2023 (3 tahun)

2.2.3 BIDANG KEUTAMAAN: SUMBER MANUSIA



2.2.3 BIDANG KEUTAMAAN		SUMBER MANUSIA		
STRATEGI: 3		MEWUJUDKAN MODAL INSAN BERINTEGRITI MELALUI PENGUKUHAN MEKANISME PENGURUSAN SUMBER MANUSIA YANG KOMPREHENSIF		
OBJEKTIF STRATEGI: 3.1		MENINGKATKAN KOMPETENSI SUMBER MANUSIA MELALUI PENERAPAN NILAI-NILAI BERSAMA		
BIL.	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
3.1.1	Amalan lepas tangan bagi tugas yang dipertanggungjawabkan	Menganjurkan aktiviti dan program berteraskan Nilai-Nilai Bersama (cth: <i>Team Building</i>)	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2025 (5 tahun)
3.1.2	Pengambilan kroni bekerja di agensi	Memperkasakan terma rujukan jawatankuasa panel pengambilan pekerja yang tidak mempunyai kepentingan peribadi	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2025 (5 tahun)
3.1.3	Hubungan menjangkau had dengan pihak berkepentingan	Melaksanakan penempatan dan pusingan kerja secara berkala untuk semua jawatan	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2023 (3 tahun)
3.1.4	Keberkesanan penguatkuasaan mengikut dasar ditetapkan	Memberikan pendedahan, latihan dan perkongsian pengetahuan melalui pelaksanaan konsep <i>Buddy System/Mentor Mentee</i> secara berterusan	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2025 (5 tahun)

2.2.3 BIDANG KEUTAMAAN		SUMBER MANUSIA		
STRATEGI: 3		MEWUJUDKAN MODAL INSAN BERINTEGRITI MELALUI PENGUKUHAN MEKANISME PENGURUSAN SUMBER MANUSIA YANG KOMPREHENSIF		
OBJEKTIF STRATEGI: 3.2		MEMPERKUKUHKAN MEKANISME KECEKAPAN PERKHIDMATAN DI TAHAP OPTIMUM		
BIL.	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
3.2.1	Penyalahgunaan kuasa	Memperinci dan memperkemas rangka penurunan had kuasa	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2022 (2 tahun)
3.2.2	Menyalahguna sokongan menggunakan nama Ketua Jabatan	Mempraktikkan arahan didokumentasi	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2022 (2 tahun)
3.2.3	Pemalsuan sijil sakit	Mengenakan tindakan punitif berpandukan kepada dasar sedia ada	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2023 (3 tahun)
3.2.4	Kepatuhan terhadap etika berpakaian di bangunan Kerajaan (kakitangan dan orang awam)	Menyebarkan makluman tatacara berpakaian yang betul	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2022 (2 tahun)
3.2.5	Pengambilan kroni bekerja di agensi	Melaksanakan audit penjawatan mengenai tatacara pengambilan pekerja termasuk memurnikan/ menambahbaik tatacara pengambilan pekerja sedia ada	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2025 (5 tahun)
3.2.6	Keberkesanan penguatkuasaan mengikut dasar ditetapkan	Meningkatkan keberkesanan peranan pasukan penguatkuasaan dan undang-undang	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2025 (5 tahun)
3.2.7	Keseimbangan dalam pengagihan tugas	Mengadakan perbincangan secara dua hala berhubung pengagihan tugas	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2025 (5 tahun)

2.2.3 BIDANG KEUTAMAAN		SUMBER MANUSIA		
STRATEGI: 3		MEWUJUDKAN MODAL INSAN BERINTEGRITI MELALUI PENGUKUHAN MEKANISME PENGURUSAN SUMBER MANUSIA YANG KOMPREHENSIF		
OBJEKTIF STRATEGI: 3.3		MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KERJA YANG KONDUSIF DAN SIHAT		
BIL.	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEPOH MASA
3.3.1	Amalan lepas tangan bagi tugas yang dipertanggungjawabkan	Menganjurkan program bimbingan kesedaran, pementoran dan kaunseling	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2025 (5 tahun)
3.3.2	Amalan Surat Kuning/ Surat Sokongan	Melaksanakan peraturan pemansuhan Surat Kuning/Surat Sokongan	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2025 (5 tahun)
3.3.3	Gaya hidup mewah di luar kemampuan	i. Melaksanakan penempatan dan pusingan kerja secara berkala untuk semua jawatan ii. Meneliti dan memantau keterampilan secara berterusan	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2025 (5 tahun) 2021 hingga 2025 (5 tahun)
3.3.4	Amalan pilih kasih (<i>Favoritism/Double Standard</i>)	Memperkasakan <i>Leadership Skill</i> di peringkat pembuat keputusan	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset	2021 hingga 2023 (3 tahun)

2.2.4 BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN PROJEK



2.2.4 BIDANG KEUTAMAAN		PENGURUSAN PROJEK		
STRATEGI: 4		MEMPERKUKUH DAN MEMANTAPKAN PENGURUSAN PROJEK		
OBJEKTIF STRATEGI: 4.1		MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENGURUSAN PROJEK		
BIL.	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
4.1.1	Pembocoran maklumat sulit dan sensitif - MMKN <i>Paper</i>	Menyediakan tempat khas yang lengkap dengan kelengkapan keselamatan untuk rekod	(a) Bahagian Infrastruktur (b) Bahagian Projek	2021 (1 tahun)
		Memastikan rangka kerja dan tempoh masa dipatuhi selaras dengan penjadualan semula	(a) Bahagian Infrastruktur (b) Bahagian Projek	2021 (1 tahun)

2.2.4 BIDANG KEUTAMAAN		PENGURUSAN PROJEK		
STRATEGI: 4		MEMPERKUKUH DAN MEMANTAPKAN PENGURUSAN PROJEK		
OBJEKTIF STRATEGIK: 4.2		MENINGKATKAN NILAI-NILAI INTEGRITI DAN PROFESIONALISME DALAM PENGURUSAN PROJEK		
BIL.	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
4.2.1	Pengaruh luar dalam penyediaan kertas Kabinet	Pegawai yang diamanahkan perlu memastikan penyediaan cadangan kertas tersebut adalah secara tertutup	(a) Bahagian Infrastruktur (b) Bahagian Projek	2021 (1 tahun)
		Mengambil tindakan punitif terhadap pegawai berkenaan	(a) Bahagian Infrastruktur (b) Bahagian Projek	2021 (1 tahun)
		Mematuhi rangka masa (<i>timeframe</i>) yang telah ditetapkan	(a) Bahagian Infrastruktur (b) Bahagian Projek	2021 (1 tahun)

2.2.4 BIDANG KEUTAMAAN		PENGURUSAN PROJEK		
STRATEGI: 4		MEMPERKUKUH DAN MEMANTAPKAN PENGURUSAN PROJEK		
OBJEKTIF STRATEGIK: 4.3		MEMPERKASAKAN TADBIR URUS PENGURUSAN PROJEK SECARA EFEKTIF DAN EFISIEN		
BIL.	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
4.3.1	Laporan kemajuan projek yang tidak tepat	Menyediakan senarai semak (<i>checklist</i>) bagi pengesahan kemajuan projek	(a) Bahagian Infrastruktur (b) Bahagian Projek	2021 [Dua (2) minggu sebelum mesyuarat berkaitan]

BAB 3.0

3.1 TADBIR URUS

3.1.1 DEFINISI

Tindakan yang dilaksanakan oleh golongan yang mempunyai kuasa daripada pelbagai peringkat pengurusan bagi mencapai kecemerlangan, kecekapan, persamaan, penglibatan yang menyeluruh, ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan pentadbiran.

3.2 PENGENALAN TADBIR URUS

Integriti merupakan nucleus kepada tadbir urus. Tadbir urus didefinisikan oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNPD) menerusi kertas dasarnya pada tahun 1997 sebagai pelaksanaan kuasa ekonomi politik dan pentadbiran dalam menguruskan hal-ehwal negara di semua peringkat.

"Tadbir urus merangkumi aspek-aspek seperti tatacara Ketua Eksekutif, Ketua Jabatan dan para pegawai di semua peringkat pengurusan melaksanakan tanggungjawab secara telus dan berhemah dari segi pengambilan dan penyampaian hasil struktur termasuk budaya kerja, dasar strategi serta tatacara mereka berurusan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan (stakeholders) dan proses di mana pegawai agensi awam diurus, diarah, dikawal dan dipertanggungjawab untuk melaksanakan objektif yang telah dipersetujui"

Tan Sri Mohd. Sidek Hj. Hassan, 2007

Tadbir Urus Terbaik (*Good Governance*) didefinisikan sebagai "konsep normatif nilai-nilai ke arah merealisasikan perlakuan tadbir urus dan kaedah yang digunakan oleh sekumpulan aktor sosial yang berinteraksi mengikut konteks sosial tertentu.

Oleh itu, tadbir urus terbaik perlu memberikan penekanan terhadap **dua (2) aspek** utama iaitu:

- (i) Prestasi yang mana pengurusan penyampaian adalah amat penting dalam penyampaian perkhidmatan yang efektif dan efisien, seperti yang diharapkan oleh pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) di samping memastikan perkhidmatan tersebut "Value for Money" serta pengurangan terhad pembaziran sumber dan dana.
- (ii) Pematuhan terhadap undang-undang iaitu setiap organisasi/agensi perlu mematuhi segala peraturan, undang-undang, piawaian (*standard*) yang digunapakai dan harapan masyarakat terhadap amalan kejujuran, akauntabiliti dan integriti serta ketelusan dalam perkongsian maklumat.



3.3 PRINSIP-PRINSIP UTAMA DALAM TADBIR URUS

3.3.1 Fokus Kepada Pelanggan

Tadbir urus yang terbaik sentiasa memberikan keutamaan menyeluruh kepada pelanggan. Prinsip “*Customer Is Always Right*” diberi penekanan dan usaha ke arah meningkatkan kepuasan hati pelanggan sentiasa dilaksanakan secara berterusan. Dalam erti kata lain, agensi/jabatan yang melaksanakan tadbir urus terbaik akan sentiasa memastikan operasi perkhidmatan berfungsi untuk kepuasan pelanggan yang maksima dalam pelbagai dimensi.

3.3.2 Beretika

Prinsip ini merupakan tunjang bagi tadbir urus terbaik. Penekanan terhadap nilai-nilai positif dalam pelaksanaan dan penyampaian perkhidmatan adalah amat kritikal bagi menghasilkan output terbaik yang diharapkan oleh masyarakat dan pihak berkepentingan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Pengurusan perlu sentiasa memastikan ahli-ahli dalam agensi mempunyai etika yang tinggi serta mengamalkan nilai-nilai murni melalui aktiviti dan program kualiti menyeluruh.

3.3.3 Ketelusan

Ketelusan dalam perkongsian maklumat kepada pihak yang berkepentingan juga amat dititikberatkan dalam tadbir urus terbaik. Ketelusan amat penting dalam segala segi. Ianya boleh dilihat melalui proses kerja yang jelas dan mudah difahami, penyampaian maklumat kepada dan pengaksesan maklumat oleh pihak berkaitan.

3.3.4 Akauntabiliti & Integriti

Akauntabiliti adalah kewajipan untuk memberikan penjelasan terhadap apa jua tindakan dalam pelaksanaan tugas kepada sesiapa yang berhak untuk mendapatkan penjelasan tersebut. Akauntabiliti dan integriti adalah elemen terpenting dalam tadbir urus terbaik. Setiap pegawai dalam agensi perlu melaksanakan tugas dengan penuh integriti serta *answerable* terhadap segala tindakan yang diambil.

3.3.5 Efektif dan Efisien

Pegawai sektor awam perlu sentiasa memastikan penyampaian perkhidmatan dilaksanakan secara efektif (cepat) dan efisien (berkesan). Kecekapan dan keberkesanan pegawai merupakan tonggak kepada tadbir urus terbaik dalam sesebuah organisasi. Seseorang pegawai perlu memastikan organisasinya mempunyai sistem yang dinamik, cepat dan tepat melalui penggunaan sumber yang minimal (efisien) dengan penghasilan kerja (output) yang maksimum (efektif).

3.3.6 Pengurusan Perubahan

Tadbir urus yang cekap dan berkesan (terbaik) adalah bagaimana pengurusan mengurus dan menangani perubahan (*change management*). Organisasi yang dinamik akan sentiasa bersedia menerima perubahan dengan membuat penyesuaian mengikut perubahan dan kehendak semasa. Dalam hal ini, persediaan dan komitmen menyeluruh dari pihak pengurusan adalah amat kritikal. Perubahan dalam sesebuah organisasi adalah amat perlu agar lebih dinamik dan berdaya saing.

Ringkasnya di sini, tadbir urus terbaik akan dapat memacu setiap warga kerja Kementerian ke arah pematapan sistem penyampaian yang efektif dan berkesan bagi memastikan kecemerlangan yang berterusan.



BAB 4.0

4.1 KESIMPULAN

Kerajaan yang kini dalam usaha memantapkan Sistem Pengurusan Pentadbiran secara menyeluruh telah merangka satu pelan khusus iaitu Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi menangani permasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus di negara ini.

Di samping itu, Kerajaan Sarawak turut merangka pelan yang sama iaitu OACP-CMDS 2020-2024 sebagai manifestasi komitmen JKM dalam menyokong dasar antirasuah nasional untuk menjadi sebuah negara bebas rasuah.

Justeru, untuk memperlihatkan komitmen ini dalam menyokong usaha kerajaan tersebut, MIPD telah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)* MIPD bagi tempoh lima (5) tahun iaitu 2021 sehingga 2025. OACP MIPD 2021-2025 ini telah menggariskan empat (4) strategi, sembilan (9) objektif strategi dan empat puluh (40) inisiatif yang akan dilaksanakan oleh MIPD sebagai mekanisme pengurusan pemantapan tadbir urus, integriti dan antirasuah di peringkat Kementerian secara amnya.

Pelan ini turut menjelaskan mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan inisiatif-inisiatif yang terkandung dalam OACP MIPD 2021-2025 dilaksanakan seperti yang telah ditetapkan dan ianya akan dikaji, dikemaskini dan ditambahbaik mengikut kesesuaian serta keperluan semasa supaya sentiasa kekal relevan.

Pelan ini juga berfungsi sebagai panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha memperkukuh dan memperkasakan governan, integriti dan antirasuah untuk kelangsungan serta kelestarian Kementerian yang berterusan.

APRESIASI

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada semua pihak dan individu terlibat yang telah memberi sokongan, kerjasama dan komitmen dalam merealisasikan penerbitan OACP MIPD 2021-2025 ini, terdiri daripada:

- ★ Setiausaha Kerajaan Sarawak
- ★ Setiausaha Tetap, Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak
- ★ Pengarah, Unit Integriti dan Ombudsman Negeri (UNION)
- ★ Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- ★ Agensi-agensi di bawah seliaan Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak
- ★ Penceramah-penceramah yang merupakan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) di bawah UNION
- ★ Ketua-ketua Bahagian dan semua kakitangan Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak

Trima Kasih



KUMPULAN EDITOR



PENASIHAT

YBhg. Datu Haji Safri bin Haji Zainudin

KETUA EDITOR

Encik Raduan bin Haji Bujet


PASUKAN EDITOR

Encik Philip Ng See Yau
Encik William Jinep
Puan Freda Limah Aggan
Tuan Haji Mustapha bin Adenan
Encik Mohamad Zakaria bin Abdul Wahab
Encik Awang Putarakasuma bin Haji Awang Dolhan
Cik Asylla binti Amin
Tuan Haji Rahmatullah bin Haji Morshidi
Encik Mohammed Aeizzat bin Mohammed Kassim
Cik Susza ak Abong

PENCETAKAN

Encik Izuddin bin Matzain

JAWATANKUASA OACP KEMENTERIAN INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN SARAWAK TAHUN 2021-2025



Jawatankuasa Kerja Pembangunan OACP:

Ketua Sekretariat: En. Raduan bin Haji Bujet
Timbalan Ketua Sekretariat: En. Awang Putarakasuma bin Haji Awang Dolhan (merangkap CeO)
Sekretariat: Pn. Haryani binti Salleh Baihaki

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset
 i. Tn. Hj. Rahmatullah bin Hj. Morshidi
 ii. Cik Asylla binti Amin

Bahagian Komunikasi Korporat dan ICT
 i. Cik Nur Melisa binti Mohd Terki
 ii. Cik Azfa Zulaikha binti Abdul Aziz

Bahagian Projek
 i. En. Azhar bin Nubli

Bahagian Infrastruktur
 i. En. Mohammed Aeizzat bin Mohammed Kassim
 ii. Cik Felicia Shela Saing

Bahagian Pelabuhan
 i. En. Awang Putarakasuma bin Haji Awang Dolhan
 ii. En. Jerome Benedict ak Raweng

Bahagian Kewangan
 i. Pn. Liaw Min Chyong

Bahagian Integriti
 i. Pn. Haryani binti Salleh Baihaki